

Skim baharu bukti kerajaan prihatin, hargai penjawat awam berdedikasi

~~KOS~~ B/H 26/02/2018 M/S 11



Azih Muda

Kebajikan penjawat awam sentiasa diberi tumpuan oleh kerajaan

S: Apa pandangan Datuk mengenai dasar ini?

J: Ia cukup untuk membuktikan keprihatinan kerajaan yang cukup tinggi terhadap penjawat awam tanpa mengambil kira berjawatan rendah atau tinggi, di bandar besar mahu pun pekan kecil dan terpencil. Tiada mana-mana kerajaan dalam dunia yang melaksanakan dasar mesra penjawat awam ini. Apa yang saya tahu, memang tiada kerajaan di dunia terfikir untuk melaksanakan dasar ini. Inilah dasar baharu yang memperakui komitmen penjawat awam yang mahu bekerja tetapi terpaksa berhenti kerana keangan kesihatan, mahupun keangan mental dan gangguan psikologi. Dahulu, kakitangan awam yang diberhentikan selepas berkhidmat 12 tahun hanya

dapi tekanan, murung dan fizikal badan tidak boleh menampung tugas. Inilah dipanggil dibersarakan atas sebab kesihatan. Dalam konteks ini, kerajaan menunaikan janji seperti termaktub dalam Surat Akujanji yang ditandatangani penjawat awam dibersarakan. Jika asyik cuti sakit, ia bukan saja menjejaskan produktiviti, malah memberi kesan kepada integriti dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) penjawat awam terbabit. Kalau asyik baring, siapa akan sediakan tikar dan beri makan ubat di pejabat kepada penjawat awam terbabit. Takkan nak wujudkan jawatan baharu menyediakan tikar dan memberi makan ubat kepada penjawat awam bermasalah kesihatan dan gangguan psikologi.

siplin tidak layak dibersarakan, begitu juga yang tidak disahkan Lembaga Perubatan untuk menerima faedah persaraan ini. Berlapang dadalah mereka dibersarakan bukan kerana masalah disiplin walaupun umur persaraan belum sampai dan bukan juga kerana ada yang benci, jauh sekali ketua jabatan tidak suka.

S: Bagaimana Datuk melihat jumlah permohonan bersara awal oleh penjawat awam yang mengalami gangguan kesihatan yang mencecah 200 hingga 220 orang setahun?

J: Jumlah itu boleh dikatakan ramai. Mereka bukan tidak cemerlang, tetapi ada yang mengalami penyakit kronik, tiba-tiba sakit atau terbabit kemalangan jalan raya. Ini kita ang-

nerusi Bajet 2018 misalnya, antara pemberian insentif dan penambahan skim perkhidmatan awam, termasuk kenaikan pangkat berasaskan masa kali kedua untuk Kumpulan Pelaksana, Waktu Kerja Fleksi bagi pakar perubatan, penambahan Waktu Kerja Berperingkat, pemberian Cuti Tanpa Rekod untuk menunaikan umrah dan peningkatan pencen rendah kepada RM1,000 untuk mereka yang berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun.

S: Akhir sekali, apa nasihat Datuk kepada penjawat awam yang bersara awal atas sebab kesihatan?

J: Bagi mereka berusia lingkungan 37 tahun hingga 42 tahun ia memang awal, namun perlu difikirkan juga bagaimana nak

dan terbaru diumumkan pula skim persaraan Atas Sebab Kesihatan (ASK) yang diharap dapat diluluskan pada sidang Parlimen akan datang sebelum dijangka dilaksanakan April ini. Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda menyifatkan 'tiada kerajaan di dunia' terfikir melaksanakan skim itu dan berkongsi pendapatnya dengan

**wartawan BH,
MOHD AZRONE
SARABATIN**

menerima pencen bulanan sekitar RM479.99, namun formula baharu ini membolehkan mereka memperoleh sehingga RM1,200 sebulan. Bukan itu saja, mereka dijangka menerima ganjaran RM70,000, berbanding peraturan sekarang yang melayakkan penjawat awam terbabit hanya mendapat ganjaran RM21,600. Seperti dinyatakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Zainal Rahim Seman, mengikut formula baharu ini, penerima boleh mendapat bayaran pencen bulanan hampir tiga kali ganda, manakala wang ganjaran lebih tiga kali ganda.

S: Bagaimana pula kalau penjawat awam dalam kategori berkenaan mahu terus bekerja?

J: Mereka dibersarakan seawal usia 37 tahun atau 42 tahun mungkin belum puas bekerja, namun secara logiknya adalah lebih baik kerajaan perkenalkan formula ini untuk memastikan produktiviti negara berada pada tahap tinggi. Kakitangan yang bersara atas sebab kesihatan perlu berlapang dada, tidak perlu bimbang kerana mereka dibersarakan seolah olah berkhidmat sehingga usia persaraan 60 tahun, seperti mereka tandatangani dalam opsyen umur persaraan wajib 60 tahun. Mereka yang dibersarakan memang tidak boleh lagi bekerja, dibimbangi kalau kerja lebih akan sakit pula mengha-

S: Adakah penjawat awam dengan masalah kesihatan dan gangguan psikologi?

J: Saya bimbang mereka dihentikan begitu saja akibat masalah kesihatan atau gangguan psikologi kerana asyik cuti sakit sehingga KPI gagal mencapai piawai ditetapkan kerajaan. Namun seperti saya katakan, keprihatinan kerajaan membolehkan penjawat awam dibersarakan awal menikmati pencen untuk menanggung perbelanjaan anak, isteri atau suami. Mungkin mereka ada anak masih bersekolah atau sewa rumah. Perlu diingat, mereka yang menghadapi masalah di-

gapenyakit pekerjaan. Bagi sektor swasta, ada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membiayai mereka dan insya-Allah, ASK dengan faedah persaraan lebih baik akan diperkenalkan kepada penjawat awam, diharap April ini. Kita harap apabila dibentangkan di Parlimen bulan depan, ia mendapat sokongan sepenuhnya Ahli Parlimen kerajaan mahupun pembangkang. Formula ini adalah untuk kebaikan penjawat awam. CUEPACS berterima kasih kepada kerajaan, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana sentiasa membela penjawat awam. Me-

bekerja apabila lumpuh seluruh badan. Kita bimbang mereka akan dikenakan tindakan tatatertib kerana asyik tidak hadir bekerja. Ia pastinya lebih teruk berbanding dibersarakan awal. KPI yang rendah juga tidak adil kepada mereka kerana bukan prestasi tidak bagus, tapi ada masalah kesihatan, fizikal dan emosi. Dibersarakan menerusi ASK dengan faedah persaraan yang lebih baik, juga seolah-olah mereka masih bekerja. Dari aspek rawatan kesihatan di hospital awam, mereka juga masih menikmati seperti penjawat awam yang masih bekerja.



Keratan akhbar
20 Februari 2018.